



>> KHAS > PENDAPAT > Pokok 'Gombak' jaga alam sekitar

Pokok 'Gombak' jaga alam sekitar

MOHD RAMZI MOHD HUSSAIN || 04 Mac 2021



A⁻ A⁺

POKOK 'Gombak' atau nama asalnya pokok Gapis (*Saraca thaipingensis*/yellow saraca) adalah pokok yang banyak tumbuh di sepanjang tepian sungai. Ia dipanggil pokok 'Gombak' oleh orang asli di sekitar Gombak.

Pokok Gapis merupakan pokok asal (native) kepada negara kita. Ia boleh tumbuh sehingga 20 meter (66 kaki) tingginya. Daunnya mengurai, besar dan berwarna hijau tua. Menurut orang asli, daun mudanya boleh dijadikan ulam.

Bunga Gapis yang tumbuh secara langsung daripada batang pokok, dahan atau ranting dalam bentuk rumpun atau jambakan yang besar dengan warnanya kuning aprikot dan mata merah terang menjadikannya lagi menyerlah tatkala bunganya berkembang pada musim panas di awal tahun. Bunganya amat wangi terutama waktu malam.

Pokok Gapis, pokok yang menyumbang kepada pengekalan keseimbangan alam sekitar, ekosistem, ekologi dan biodiversiti sungai. Ia dikategorikan sebagai spesies riparian (kelompok dan jenis tumbuhan yang tumbuh di sekitar/sepanjang tebingan sungai) yang membentuk ekosistem sungai. Ekosistem sungai meliputi pelbagai jenis ekosistem termasuk tebing sungai, dataran banjir dan tanah basah. Ekosistem riparian mewakili habitat yang lebih basah, lebih sejuk dan lebih rapat daripada kawasan dataran tinggi yang bersebelahan dan akibatnya cenderung menyokong komuniti yang mempunyai biologi, produktif dan pelbagai.

Ekosistem sungai juga menyediakan banyak fungsi dan perkhidmatan ekosistem penting, khususnya dalam mengatur iklim mikro dan kualiti air, mencegah hakisan tebing sungai dan meningkatkan kestabilan bentuk muka bumi, mewujudkan jaringan makanan akuatik dan daratan serta menyediakan habitat untuk pelbagai organisma akuatik, amfibia dan daratan.

Walaupun terdapat nilai-nilai tersebut, ekosistem riparian juga merupakan beberapa ekosistem yang paling terancam disebabkan oleh kedudukannya yang dekat dengan aktiviti manusia yang tidak terkawal.

Pengurusan dan pemulihan ekosistem riparian yang berkesan semakin mendesak untuk pemeliharaan biodiversiti setempat dan untuk kesejahteraan serta penghidupan masyarakat di sekitarnya. Pendekatan pengurusan melibatkan perlindungan ekosistem riparian yang sistematik perlu dilakukan.

Peranan

Spesies riparian seperti Gapis memainkan peranan sangat penting sebagai zon peralihan antara air dan persekitaran daratan. Selain menjadi perumah kepada habitat sekeliling, spesies riparian juga menyumbang sebagai penghubung kepada hidupan liar di sekitarnya, agen penapis dan halangan untuk pergerakan antara spesies flora dan fauna serta sebagai 'sink' dan sumber hidupan liar, nutrien serta tenaga.

Buahnya yang besar, leper, keras dan berwarna ungu menjadi makanan kepada tupai. Ia merupakan kitaran kehidupan flora dan fauna yang semula jadi dalam mengekal serta menghasilkan biodiversiti yang lengkap. Dari segi ekologi, dengan ketinggian sehingga 20 meter dan tumbuh dalam kelompok yang rapat antara satu sama lain, dapat menjadikan akarnya memegang struktur tanah dengan kuat. Fungsi akar-akar itu amat jelas sebagai agen yang bertindak untuk menyerap air yang banyak terutama air hujan.

[Baca cerita seterusnya >](#)

Ia dapat menjadikannya sebagai spesies yang sangat sesuai berada di zon peralihan antara air dan persekitaran daratan. Fungsi akar-akar dapat menahan dan menampung kekuatan semula jadi kawasan tebingan sungai daripada terhakis akibat arus yang deras dan jika berlakunya tanah runtuh. Terdapat juga maklumat yang menyatakan akar pokok Gapis digunakan untuk membuat pemegang parang.

Oleh itu, sebagai salah satu spesies yang dikategorikan sebagai riparian, pokok Gapis yang merupakan pokok asal perlu dibiarkan tumbuh di sepanjang sungai bersama tumbuhan lain untuk mewujudkan riparian habitat yang berterusan dan lestari.

** Dr Mohd Ramzi Mohd Hussain ialah Profesor Madya di Jabatan Senibina Landskap, Kulliyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (KAED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)*

Dituduh berunding dengan Anwar, Zahid perlu perjas kepada MKT ✕

Mohd Ramzi Mohd Hussain pokok Pokok Gapis

TERKINI | POPULAR

- 1 Dituduh berunding dengan Anwar, Zahid perlu perjas kepada...
- 2 'KPN bakal lalui jalan tidak mudah'
- 3 BAM tidak hantar skuad utama ke Hanoi
- 4 EPU di peringkat akhir rangka Dasar Tenaga Negara: Mustapa
- 5 Perhimpunan Agung UMNO diluluskan MKN: Ahmad Maslan

Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>

Nike Boys' Sunray Protect 2 (TD) Sandal
Zalora | Sponsored

[Baca cerita seterusnya >](#)

Advertisement

Apakah reaksi anda?

Powered by 



Gembira



Biasa Jer



Terhibur



Teruja



Marah



Sedih



Artikel Berkaitan



Sungai anugerah yang terindah

SUNGAI adalah sumber kepada kelestarian kehidupan manusia sejak berzaman lagi.



PKPD Penjara Pokok Sena dilanjutkan hingga 7 November

KUALA LUMPUR - Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Pokok Sena, Kedah dilanjutkan selama 14 hari lagi hingga 7 November ini,...

Nike Boys' Sunray Protect 2 (TD) Sandal
Zalora | Sponsored

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. [Langgan Sekarang!](#)

[Baca cerita seterusnya >](#)

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

[Langgan](#)

MCMA PROTECTED

8 Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu

iProperty.com.my | Sponsored

PUMA Smash v2 Animals Trainers

RM 179

Zalora | Sponsored

SHOP >

1 cawan (setiap hari), perhatikan lemak perut anda cair seperti orang gila

Shinyakoso Enzyme | Sponsored

Nike Boys' Sunray Protect 2 (TD) Sandal

Zalora | Sponsored

Baca cerita seterusnya >

Nike Kids' Tanjun Graphic Backpack

RM 185

Zalora

SHOP >

Perangai Buruk Penyewa Buat Tuan Rumah Naik Hantu

roperty.com.my

1 cawan (setiap hari), perhatikan lemak perut anda cair seperti orang gila

shinyakoso Enzyme

Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.

ltra Fast Keto Boost

1 cara Mudah Kuruskan Badan | Bakar Semua Lemak Degil

stoslim

rik mudah ini mencairkan lemak perut semasa anda tidur
ipan Shinyakoso

akit lutut akan hilang jika anda melakukan ini setiap hari
ERSATUAN KESIHATAN MASYARAKAT

aya belajar bahasa baru dengan kaedah mudah ini!
urnal Sains

Sponsored Links by Taboo

Nike Boys' Sunray Protect 2 (TD) Sandal
Zalora | Sponsored

[Baca cerita seterusnya >](#)